

Kekuatan BN berjaya elak isu negara dieksplotasi

KUALA LUMPUR 3 Okt. - Pengerusi Pemuda Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, kekuatan BN berjaya mengelakkan mana-mana pihak mengeksploitasi isu hal ehwal 'rumah tangga' negara ini.

"Kita tidak akan membenarkan sesiapa pun mengeksploitasi hal ehwal rumah tangga kita dan negara kita ini bukannya tempat orang luar untuk campur tangan.

"Apa yang berlaku sekarang ini merupakan bukti kekuatan dan kelebihan pada BN dan inilah yang perlu dihayati oleh pemimpin-pemimpin muda dalam BN. Apabila kedudukan kita tercabar kita semua bersatu mempertahankan maruah bangsa dan negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Pemuda BN di Menara Datuk Onn,

Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Belia merujuk kepada surat penjelasan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam.

Kata Hishammuddin, Pemuda BN percaya permohonan maaf oleh Kuan Yew berhubung isu dakwaannya bahawa masyarakat Cina di negara ini dipinggirkan, adalah hasil desakan pemimpin parti-parti komponen dalam BN.

Hishammuddin yang juga Ketua Pergerakan Pemuda UMNO berkata, kekuatan yang terdapat pada parti-parti komponen BN membuatkan Kuan Yew akur dengan desakan itu walaupun beliau merupakan seorang yang sukar meminta maaf.

Katanya, apa yang pasti, semua pemimpin parti komponen BN jelas memperli-

Kita tidak akan membenarkan sesiapa pun mengeksploitasi hal ehwal rumah tangga kita dan negara kita ini bukannya tempat orang luar untuk campur tangan

**HISHAMMUDDIN
TUN HUSSEIN**
Pengerusi Pemuda
Barisan Nasional

hatkan penentangan terhadap Kuan Yew kerana kenyataannya itu menyentuh maruah serta kedaulatan negara ini.

"Bila Kuan Yew mertibangkitkan perkara ini pemimpin-pemimpin parti komponen bangkit dan bersatu hati mempertahankan kedudukan maruah negara kita," katanya.

Kuan Yew dalam surat penjelasannya kepada Abdullah berhubung dakwaan beliau bahawa masyarakat Cina di Malaysia

dipinggirkan secara sistematik, telah menyatakan ketidakselesaian kepada Perdana Menteri tidak langsung diingini selepas melalui hubungan bermasalah selama sedekad dengan pemimpin sebelum Abdullah (Tun Dr. Mahathir Mohamad).

Surat tersebut yang bertarikh 29 September diserahkan ke pejabat Abdullah di Putrajaya oleh Pesuruhjaya Tinggi Sirigapurake Malaysia T. Jasudasen, semalam.